

22 DEC 1996

Mahathir-Peru

MALAYSIA KESAL DUTANYA DIJADIKAN TEBUSAN DI PERU

By: Zainoor Sulaiman

BANGALORE, 22 Dis (Bernama) -- Malaysia kecewa kerana dutanya di Peru, Ahmad Mokhtar Selat menjadi tebusan kumpulan gerila Peru untuk menyelesaikan masalah yang dihadapinya dengan kerajaan negara itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malaysia tidak seharusnya dibabitkan kerana ia tidak pernah mencampuri urusan politik dalaman negara itu, katanya kepada pemberita pada akhir lawatan rasmi empat hari ke India.

Perdana Menteri berharap Duta Malaysia dapat dibebaskan segera oleh kumpulan itu.

Ahmad Mokhtar adalah lebih 300 tebusan yang terdiri daripada beberapa duta asing dan pegawai kerajaan yang sedang ditahan di kediaman Duta Jepun di Lima sejak malam Selasa lepas.

Gerombolan pemberontak menahan Tupac Amaru Revolutionary Movement (MRTA) menahan tebusan itu ketika Duta Jepun mengadakan jamuan sempena ulangtahun keputeraan Maharaja Jepun.

Semalam, kumpulan gerila itu membebaskan 38 lagi tebusan. Sebelum itu, mereka membebaskan lebih 100 tebusan sejak penahanan itu.

Presiden Peru Alberto Fujimori pula dalam satu kenyataannya yang disiarkan menerusi televisyen dan radio Peru hari ini berkata kerajaannya tidak akan menggunakan kekerasan terhadap pemberontak itu jika mereka meletakkan senjata dan membebaskan semua tebusan.

Sebelum itu, pemberontak berjanji akan membebaskan secara berperingkat semua tebusan yang tidak mempunyai hubungan dengan kerajaan Peru.

Dr Mahathir Rabu lepas berkata beliau agak pasti bahawa kerajaan Peru dapat menyelesaikan krisis itu.

Duta Malaysia ke Brazil Datuk Zainal Abidin Zain kini berada di Lima untuk mengambil alih sementara pengurusan kedutaan Malaysia. Seorang pegawai tambahan dari kedutaan Malaysia di Santiago juga dihantar ke ibu negara Peru itu untuk mengukuhkan pejabat Lima.

Sementara itu, Zainal Abidin ketika dihubungi Bernama Kuala Lumpur di Lima hari ini, berkata Ahmad Mokhtar, yang ditempatkan di tingkat bawah kediaman Duta Jepun itu, berada dalam keadaan selamat.

Beliau berkata perkara itu disahkan oleh seorang daripada tiga duta yang dibebaskan semalam.

Ketiga-tiga duta itu ialah Duta Brazil Carlos Luiz Coutinho Perez, Duta Mesir Sami Tewfik dan Duta Korea Selatan Lee Won-young dibebaskan bersama-sama 35 orang tebusan sebagai "saluran" perbincangan antara gerila dan kerajaan Peru semalam.

"Kerajaan Peru juga telah membekalkan semula air, makanan panas dan barangan penjagaan diri," katanya.

Semalam, gerila menerusi ketiga-tiga duta yang dibebaskan meminta kerajaan Fujimori memulihkan bekalan air, elektrik dan telefon di kediaman Duta Jepun itu dan menuntut mengadakan dialog bagi memulihkan keadaan.

Zainal Abidin berkata Fujimori telah menjelaskan pendirian kerajaan beliau yang meminta gerila itu meletakkan senjata mereka dan membebaskan tawanan untuk mengelakkan penggunaan kekerasan oleh kerajaan.

Fujimori juga memberi jaminan bahawa perbincangan dengan gerila untuk mencari penyelesaian bagi tuntutan mereka akan diteruskan walaupun mereka meletakkan senjata.

Di SEBERANG JAYA, PULAU PINANG, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata Malaysia akan terus menunggu dengan sabar (akan perkembangan

terbaru) kerana memahami masalah itu bukan mudah untuk diselesaikan.

Katanya, walaupun Malaysia telah menyatakan kesediaannya untuk membantu Peru dalam apa juga bentuk bantuan yang difikirkan perlu, belum ada sebarang reaksi dari negara itu mengenai tawaran Malaysia itu.

Ditanya reaksi Fujimori terhadap surat Dr Mahathir yang meminta beliau memastikan krisis itu diselesaikan dengan baik, Abdullah berkata, Fujimori memberi pengakuan bahawa kerajaannya akan berusaha sedaya upaya untuk membebaskan kesemua tebusan dengan sebaik mungkin.

Ketika ditemui pada majlis perkahwinan seorang jurukamera TV3 di sini, hari ini, Abdullah berkata memang sukar bagi Peru untuk memenuhi kehendak pemberontak, yang antara lain, menuntut pembebasan rakan mereka yang dipenjara.

Katanya, walaupun Ecuador, jiran Peru, telah menyatakan kesediaannya untuk menerima pemberontak tersebut, beliau tidak pasti sama ada Peru akan memberi "jalan keluar" ke negara ketiga tanpa sebarang gangguan.

Abdullah juga berkata Ketua Canseri kedutaan di Peru, Nazaruddin Salleh memaklumkan kepada beliau pagi tadi bahawa doktor yang memeriksa Ahmad Mokhtar mengesahkan beliau sihat dan kelihatan "bersemangat tinggi".

-- BERNAMA

ZS ARI AHH